

**PROJEK PENGKULTURAN RUMPAI LAUT
DENGAN PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI
KAJIAN KES : KG. KABIMBANGAN DAN KG.
LOOK BUTUN DAERAH SEMPORNA, SABAH.**

AZRAFFI BIN IBRAHIM

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN
(GEOGRAFI)**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2009**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



PUMS99:1

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: Projek pengkulturan Rumpai laut dgn Pembangunan
Sosio-ekonomi Ictian kel: kg. Labimbagan dan kg. Look Butu
Daerah Sepuran, Sabah.
 IJAZAH: SARJANA MUDA SAINS SOSIAL

SAYA AZRAFFI BIN IBRAHIM
 (HURUF BESAR)

SESI PENGAJIAN: 2009

mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institutsi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

AZRAFFI BIN IBRAHIM
 (TANDATANGAN PENULIS)

PN. UBONG IMANG
 (TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: _____

PN. UBONG IMANG

Nama Penyelia

Tarikh: 29.05/09.

Tarikh: 8/6/09

CATATAN:- *Potong yang tidak berkenaan.

**Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PERPUSTAKAAN UMS



1400017025

10 JUN 2009
 Sekolah Sains Sosial Universiti
 Malaysia Sabah



UMS
 UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN
 UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN PELAJAR

Saya Azraffi Bin Ibrahim (HA2006-6288) adalah pelajar gugusan Geografi (HA18), Sekolah Sains Sosial. Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

901099999

.....
Azraffi Bin Ibrahim
HA2006-6288
29 April 2009

Pengesahan Penyelia



.....
Penyelia: Puan Ubong Imang

8/6/09.

.....
Tarikh

PENGHARGAAN

Syukur ke hadirat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnianya projek akhir tahun ini dapat disempurnakan pada masa yang telah ditetapkan. Bagi kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada mereka yang secara langsung memberi bantuan dan kerjasama dalam usaha menyiapkan penyelidikan latihan ilmiah ini.

Ucapan jutaan terima kasih buat penyelia iaitu Puan Ubong Imang yang memberikan terlalu banyak tunjuk ajar, panduan nasihat, bimbingan selain sokongan moral sebelum, semasa dan selepas penyelidikan ini disempurnakan. Jutaan terima kasih untuk semua pensyarah Program Geografi iaitu Dr. Mohamad Tahir Mapa, Dr. Ramzah Dambul, Encik Aliakbar Gulasan, Encik Abdul Munir Ladoni, Encik Mustapa Abd. Talip, Encik Oliver Valentine Eboy, Puan Harifah Mohd. Nor, Puan Jurry Foo Micheal, dan tutor-tutor Program Geografi.

Penghargaan dan terima kasih juga turut dirakamkan buat Jabatan Perikanan Negeri Sabah Cawangan Daerah Semporna dan Pejabat Daerah Semporna yang secara langsung menyumbangkan pelbagai bentuk sumber data-data sama ada berbentuk bercetak, lisan dan sebagainya. Selain itu, Ketua-ketua Kampung, JKKK Kampung dan penduduk Kampung Kabimbangan dan Kampung Look Butun yang secara langsung menjadi penyelidik bersama dalam usaha menyiapkan penyelidikan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan buat kedua ibu bapa, keluarga dan orang perseorangan yang memberikan sokongan moral dan menjadi tulang belakang kepada saya untuk meneruskan perjuangan pengajian di UMS dan juga kepada rakan-rakan seperjuangan di UMS khususnya dalam Program Geografi.

Jasa baik daripada semua pihak adalah dihargai dan semoga hasil penyelidikan ini mampu memberikan manfaat kepada semua pihak yang memerlukan.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauhmana projek pengkulturan rumpai laut di daerah Semporna memberi kesan terhadap pembangunan sosio-ekonomi penduduk tempatan. Kajian juga difokuskan kepada permasalahan penduduk tempatan yang terlibat dengan industri pengkulturan rumpai laut bagi membolehkan cadangan penambahbaikan pembangunan industri pengkulturan rumpai laut dan pembangunan sosio-ekonomi dikenalpasti. Kawasan kajian adalah berfokus kepada kawasan projek pengkulturan rumpai laut di Kampung Kabimbangan dan Kampung Look Butun. Seramai 30 orang responden dijadikan sampel kajian untuk menggambarkan peningkatan taraf hidup dari segi pendapatan dan kesejahteraan hidup kesan daripada penglibatan dalam industri pengkulturan rumpai laut tersebut. Soal selidik dan pemerhatian di lapangan merupakan pendekatan yang digunakan dan analisis kajian adalah menggunakan SPSS 13.0 (*Statistical Package For Social Science*). Hasil kajian mendapati bahawa, projek pengkulturan rumpai laut di daerah Semporna memberi kesan terhadap pembangunan sosio-ekonomi penduduk tempatan dari segi pendapatan dan tahap kesejahteraan hidup.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauhmana projek pengkulturan rumpai laut di daerah Semporna memberi kesan terhadap pembangunan sosio-ekonomi penduduk tempatan. Kajian juga difokuskan kepada permasalahan penduduk tempatan yang terlibat dengan industri pengkulturan rumpai laut bagi membolehkan cadangan penambahbaikan pembangunan industri pengkulturan rumpai laut dan pembangunan sosio-ekonomi dikenalpasti. Kawasan kajian adalah berfokus kepada kawasan projek pengkulturan rumpai laut di Kampung Kabimbangan dan Kampung Look Butun. Seramai 30 orang responden dijadikan sampel kajian untuk menggambarkan peningkatan taraf hidup dari segi pendapatan dan keselesaan hidup kesan daripada penglibatan dalam industri pengkulturan rumpai laut tersebut. Soal selidik dan pemerhatian di lapangan merupakan pendekatan yang digunakan dan analisis kajian adalah menggunakan SPSS 13.0 (*Statistical Package For Social Science*). Hasil kajian mendapati bahawa, projek pengkulturan rumpai laut di daerah Semporna memberi kesan terhadap pembangunan sosio-ekonomi penduduk tempatan dari segi pendapatan dan tahap keselesaan hidup.

ABSTRACT

This study is aim to determine how the seaweed cultural project affects the livelihood of the people in the district of Semporna, Sabah towards the socio-economic development in the area. This study also have a suggestions to assure the project more useful and effective for the benefits, by giving more attention to those who are involves with the seaweeds cultural industry. The study was held on two (2) particular area which is the Kampung Kabimbangan and the Kampung Look Butun. Thirty (30) respondents was chosen as the sampling study source of informations. The respondent was also asked on how the seaweeds cultural prospect affected their lives with the presents and helps of the development project in the area. Questionnaire and observation in field is the approach used. The analysis used in this study was the SPSS 13.0 (Statistical Package For Social Science). The findings of this study shown, the project was successful and have a great impact to the residents through their source of income.



SENARAI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
HALAMAN JUDUL	
JUDUL	
PERAKUAN PELAJAR	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
<i>ABSTRACT</i>	iv
SENARAI KANDUNGAN	v
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	x
SENARAI GAMBAR	xii
SENARAI GAMBARAJAH	xii
SENARAI GRAF	xiii

ISI KANDUNGAN

BAB 1	PENDAHULUAN	MUKA SURAT
1.1	PENGENALAN	1
1.2	PERSOALAN KAJIAN	2
1.3	OBJEKTIF KAJIAN	3
1.4	HIPOTESIS KAJIAN	4
1.5	SKOP KAJIAN	4
1.6	KEPENTINGAN KAJIAN	5
1.7	BATASAN KAJIAN	6
	1.7.1 Jarak Kawasan Kajian	6
	1.7.2 Kos Perbelanjaan	7
	1.7.3 Cuaca	8
	1.7.4 Kerjasama Responden	8
1.8	KESIMPULAN	8



BAB 2	SOROTAN LITERATUR	MUKA SURAT
2.1	PENGENALAN	9
2.2	PENDEFINISIAN KONSEP	9
	2.2.1 Rumpai Laut	9
	2.2.2 Pembangunan Sosio-ekonomi	10
2.3	SEKTOR PERTANIAN DAN PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI	12
	2.3.1 Inisiatif Dan Pembangunan	13
	2.3.2 Peningkatan Ekonomi dan Lain-lain Pembangunan	13
2.4	LATAR BELAKANG INDUSTRI PENKULTURAN RUMPAI LAUT DI SABAH	15
	2.4.1 Sejarah Industri Pengkulturan Rumpai Laut	15
	2.4.2 Kriteria Kesesuaian Tapak Pengkulturan	16
	2.4.3 Jenis Rumpai Laut	16
	2.4.4 Kaedah Pengkulturan	18
	2.4.5 Kos Pengoperasian Kultur Rumpai Laut	20
	2.4.6 Harga Rumpai Laut	21
	2.4.7 Peranan Jabatan Perikanan Untuk Pembangunan Industri Pengkulturan Rumpai Laut	22
	2.4.8 Pelan Pembangunan Industri Pengkulturan Rumpai Laut	24
	2.4.9 Strategi Jabatan Perikanan	28
2.5	KEPELBAGAIAN PENYELIDIKAN RUMPAI LAUT DAN SOSIO-EKONOMI	32
2.6	KESIMPULAN	40
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	MUKA SURAT
3.1	PENGENALAN	41
3.2	PENGUMPULAN DATA PRIMER	41
	3.2.1 Pemerhatian Di Lapangan	41
	3.2.2 Soal Selidik	42
	3.2.3 Temu Bual	44

3.3	PENGUMPULAN DATA SEKUNDER	44
	3.3.1 Data Rasmi	44
	3.3.2 Kajian Perpustakaan	46
	3.3.3 Kajian Siber dan Sumber Lain	47
3.4	ANALISIS KAJIAN	48
3.5	KESIMPULAN	49
BAB 4	KAWASAN KAJIAN DAN INDUSTRI PENKULTURAN RUMPAI LAUT DI DAERAH SEMPORNA	MUKA SURAT
4.1	Pengenalan	50
4.2	Latar Belakang Daerah Semporna	51
	4.2.1 Sejarah Awal Daerah Semporna	52
	4.2.2 Kedudukan, Topografi, Iklim dan Cuaca	54
	4.2.3 Bahasa dan Agama	55
	4.2.4 Kegiatan Ekonomi Utama	55
	4.2.5 Latar Belakang Penduduk	57
4.3	Industri Pengkulturan Rumpai Laut di Daerah Semporna	58
	4.3.1 Bilangan Pengkultor Persendirian dan Luas Kawasan Pengkulturan Rumpai Laut Bagi Tahun 2006	59
	4.3.2 Pengezonan Kawasan Pengkulturan Rumpai Laut	60
	4.3.3 Status Rekod Rumpai Laut Daerah Semporna Bagi Tahun 2002 Hingga 2007	63
	4.3.4 Perbandingan Kos Operasi Kaedah Pengkulturan Rumpai Laut Daerah Semporna	65
4.4	KESIMPULAN	66
BAB 5	ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN	MUKA SURAT
5.1	Pengenalan	67
5.2	Latar Belakang Responden dan Penglibatan dalam Industri Pengkulturan Rumpai Laut	69
	5.2.1 Komposisi Umur Responden	69



5.2.2	Jantina Responden	70
5.2.3	Bangsa Responden	70
5.2.4	Agama Responden	71
5.2.5	Status Responden	71
5.2.6	Tahap Pendidikan Tertinggi Responden	72
5.2.7	Pekerjaan Utama Responden	73
5.2.8	Pekerjaan Sampingan	74
5.2.9	Tempoh (Tahun) Penglibatan	75
5.2.10	Jenis Penglibatan dan Kaedah Pengkulturan Yang Digunakan Responden	76
5.2.11	Jumlah Keluasan (Ekar) Yang Dimiliki Responden	77
5.3	SOSIO-EKONOMI RESPONDEN	78
5.3.1	Pendapatan Responden	78
5.3.2	Maklumat Pemilikan Harta	80
5.4	MANFAAT SOSIO-EKONOMI MELALUI PENGLIBATAN DALAM INDUSTRI PENGKULTURAN RUMPAI LAUT	85
5.4.1	Penglibatan Responden Dalam Sektor Lain Sebelum Beralih dan Sebab Kepada Industri Pengkulturan Rumpai Laut	85
5.4.2	Perbezaan Taraf Sosio-ekonomi Selepas Menceburkan Diri Dalam Industri Pengkulturan Rumpai Laut Dengan Masa Sekarang	87
5.4.3	Perancangan Untuk Terus Kekal Dengan Industri Pengkulturan Rumpai Laut	88
5.4.4	Taraf Sosio-ekonomi Pada Unjuran 5 Tahun Akan Datang	89
5.4.5	Pendapat Responden Dengan Pendapat Bahawa "Projek Pengkulturan Rumpai Laut Mampu Meningkatkan Taraf Sosio-Ekonomi Penduduk Dalam Usaha Membasmi Masalah Miskin Tegar Di Negara ini"	90

5.5	PERMASALAHAN DALAM PENGLIBATAN	92
5.5.1	Permasalahan dan Bentuk Masalah Yang Dihadapi	92
5.5.2	Penerimaan dan Bentuk Pemindahan Teknologi Yang Telah Disediakan	94
5.5.3	Penerimaan dan Bentuk Program Pakej Insentif Bantuan Subsidi Yang Disalurkan	96
5.6	KESIMPULAN	98
BAB 6	PERBINCANGAN DAN RUMUSAN	MUKA SURAT
6.1	PENGENALAN	99
6.2	PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI KESAN DARIPADA PROJEK PENKULTURAN RUMPAI LAUT	99
6.2.1	Peningkatan Taraf Hidup Pengkultor	100
6.2.2	Lain-lain Pembangunan Yang Dilakukan	104
6.3	PERMASALAHAN YANG DIKENALPASTI	106
6.3.1	Masalah Kekurangan Modal, Lokasi, dan Pemberian Subsidi	106
6.3.2	Masalah Penyediaan Program Pemindahan Teknologi	107
6.3.3	Peranan Jabatan Perikanan	108
6.4	LANGKAH CADANGAN PENAMBAHBAIKAN INDUSTRI PENKULTURAN RUMPAI LAUT DAN PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI PENKULTUR	108
6.4.1	Menyediakan Pelbagai Bentuk Kemudahan	109
6.4.2	Menggalakkan Penglibatan Belia	110
6.4.3	Peranan Jabatan Perikanan Dipergiat	110
6.5	KESIMPULAN	111
	BIBLIOGRAFI	113
	LAMPIRAN	116



SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Jenis-jenis Rumpai Laut Di Sabah	17
2.2	Unjuran Jumlah Nelayan dan Sektor Swasta Yang Terlibat Dalam Industri Pengkulturan Rumpai Laut Bagi Tahun 2010	26
2.3	Kawasan Berpotensi Pengkulturan Rumpai Laut Di Sabah	27
4.1	Jumlah Keluasan Penggunaan Tanah Untuk Pertanian Mengikut Tanaman Daerah Semporna	56
4.2	Jumlah Penduduk Daerah Semporna Mengikut Kaum (Kumpulan Etnik) Bagi Tahun 2000	58
4.3	Bilangan Pengkultor dan Luas Kawasan Pengkulturan Rumpai Laut Bagi Pengusaha Persendirian Tahun 2006	59
4.4	Senarai Nama Syarikat (Agensi) Pengusaha Rumpai Laut (<i>Eucheuma Cottonii</i>) Daerah Semporna Bagi Tahun 2006	60
4.5	Bilangan Pengkultor, Luas Kawasan dan Zon Rumpai Laut (<i>Eucheuma Cottonii</i>) Daerah Semporna Bagi Tahun 2006	61
4.6	Jumlah Pengusaha dan Keluasan Kawasan (Ekar) Daerah Semporna Bagi Tahun 2002 Hingga 2007	64
4.7	Pengeluaran Semasa Rumpai Laut Kering dan Basah Daerah Semporna Bagi Tahun 200 Hingga 2007	65
4.8	Perbandingan Kos Operasi Kaedah Pengkulturan Rumpai Laut Daerah Semporna	65
5.1a	Komposisi Umur Responden	69
5.2a	Jantina Responden	70
5.3a	Bangsa	70
5.4a	Agama Responden	71
5.5a	Status Responden	71
5.6a	Tahap Pendidikan Tertinggi Responden	72

5.7a	Pekerjaan Utama Responden	73
5.8a	Pekerjaan Sampingan Responden	74
5.9a	Tempoh (Tahun) Penglibatan Responden Dalam Industri Pengkulturan Rumpai Laut	75
5.10a	Jenis Penglibatan Responden	76
5.11a	Kaedah Pengkulturan Yang Digunakan Responden	77
5.12a	Jumlah Keluasan (Ekar) Yang Dimiliki Responden	77
5.1b	Pendapatan Responden Daripada Sumber Pekerjaan Utama (Mengkultur Rumpai Laut)	79
5.2b	Jenis Barangan Elektrik Yang Dimiliki Responden	81
5.3b	Jenis Kenderaan (Pengangkutan) Dimiliki Responden	82
5.4b	Maklumat Pemilikan Rumah Responden	83
5.5b	Maklumat Rumah (Bilangan Bilik) Responden	83
5.1c	Penglibatan Responden Dalam Sektor Lain Sebelum Beralih Kepada Industri Pengkulturan Rumpai Laut	85
5.2c	Sebab Responden Beralih Daripada Pekerjaan Lama	85
5.3c	Perbezaan Taraf Sosio-ekonomi Responden Selepas Menceburkan Diri Dalam Industri Pengkulturan Rumpai Laut Dengan Masa Sekarang	87
5.4c	Perancangan Untuk Terus Kekal Dengan Industri Pengkulturan Rumpai Laut	88
5.5c	Taraf Sosio-ekonomi Responden Pada Unjuran 5 Tahun Akan Datang	89
5.6c	Pendapat Responden Dengan Pendapat Bahawa "Projek Pengkulturan Rumpai Laut Mampu Meningkatkan Taraf Sosio-Ekonomi Penduduk Dalam Usaha Membasmi Masalah Miskin Tegar Di Negara ini"	90
5.1d	Masalah Responden Sepanjang Penglibatan	92
5.2d	Bentuk Masalah Yang Dihadapi Responden	92
5.3d	Adakah Responden Menerima Program Pemindahan Teknologi	94

5.4d	Bentuk Pemindahan Teknologi Yang Diterima Responden	94
5.5d	Adakah Responden Menerima Program Pakej Insentif	96
5.6d	Bentuk Program Pakej Insentif Diterima Responden	96

SENARAI GAMBAR

GAMBAR	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Kaedah Pancang	18
2.2	Kaedah Rakit	19
2.3	Kaedah Rawai	20
6.1	Struktur Rumah Responden	102
6.2	Struktur Rumah Responden	102
6.3	Kemudahan Jeti dan Pelantar Pengeringan Rumpai Laut	105
6.4	Kemudahan Pelantar dan Stor Rumpai Laut	105
L1	Kawasan Kajian (Kampung Look Butun)	Lampiran
L2	Kawasan Kajian (Kampung Kabimbangan)	Lampiran
L3	Jenis Rumpai Laut (<i>Eucheuma Cottonii</i>)	Lampiran
L4	Jenis Rumpai Laut (<i>Eucheuma Cottonii</i>)	Lampiran
L5	Jenis Rumpai Laut (<i>Eucheuma Cottonii</i>)	Lampiran
L6	Proses Soal Selidik Bersama Salah Seorang Responden	Lampiran
L7	Struktur Rumah Responden	Lampiran

SENARAI GAMBARAJAH

GAMBARAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1	Peta Negeri Sabah	Lampiran
2	Peta Daerah Semporna	Lampiran
3	Peta Kawasan Pengkulturan Rumpai Laut	Lampiran

SENARAI GRAF

GRAF	TAJUK	MUKA SURAT
5.1a	Kekerapan Umur Responden	69
5.2a	Kekerapan Status Responden	71
5.3a	Kekerapan Tahap Pendidikan Responden	72
5.4a	Kekerapan Pekerjaan Utama Responden	73
5.5a	Kekerapan Pekerjaan Sampingan Responden	74
5.6a	Kekerapan Tempoh (Tahun) Penglibatan Responden	75
5.7a	Kekerapan Jumlah Keluasan (Ekar) Yang Dimiliki Responden	78
5.1b	Kekerapan Pendapatan Responden Daripada Sumber Pekerjaan Utama (Mengkultur Rumpai Laut)	79
5.2b	Kekerapan Jenis Barangan Elektrik Yang Dimiliki Responden	81
5.3b	Kekerapan Jenis Kenderaan Yang Dimiliki Responden	82
5.4b	Kekerapan Maklumat Rumah (Bilangan Bilik) Responden	84
5.1c	Kekerapan Sebab Responden Beralih Daripada Pekerjaan Lama Kepada Industri Pengkulturan Rumpai Laut	86
5.2c	Kekerapan Perbezaan Taraf Sosio-ekonomi Responden Selepas Menceburkan Diri Dalam Industri Pengkulturan Rumpai Laut Dengan Masa Sekarang	87
5.3c	Kekerapan Perancangan Responden Untuk Terus Kekal Dengan Industri Pengkulturan Rumpai Laut	88
5.4c	Kekerapan Taraf Sosio-ekonomi Responden Pada Unjuran 5 Tahun Akan Datang	90
5.5c	Kekerapan Pendapat Responden Dengan Pendapat Bahawa "Projek Pengkulturan Rumpai Laut Mampu Meningkatkan Taraf Sosio-Ekonomi Penduduk Dalam Usaha Membasmi Masalah Miskin Tegar Di Negara ini"	91
5.1d	Kekerapan Bentuk Masalah Yang Dihadapi Responden	93

5.2d	Kekerapan Bentuk Program Pemindahan Teknologi Yang Telah Dilakukan Kepada Responden	95
5.3d	Kekerapan Bentuk Program Pakej Insentif Bantuan (Subsidi) Yang Diterima Responden	97



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Rumpai laut merupakan tumbuhan akuatik yang hidup terapung pada permukaan air. Pelbagai jenis spesies rumpai laut yang direkodkan sama ada sebagai hidupan sahaja (bukan komersil) mahupun yang bersifat komersil. Rumpai laut jenis *Eucheuma Cottonii* merupakan satu daripada pelbagai jenis spesies rumpai laut komersil yang terdapat di negeri Sabah yang kini popular dikultur di daerah Semporna. Rumpai laut ini mempunyai nilai komersil yang sangat tinggi bukan sahaja dalam aspek pembangunan sosio-ekonomi penduduk, malah rumpai laut spesies jenis ini mampu diaplikasikan bagi tujuan pembangunan pelbagai jenis produk termasuklah produk kesihatan (farmaseutikal dan nutriseutikal) selain pembangunan sumber makanan.

Industri pengkulturan rumpai laut adalah merupakan salah satu industri yang mempunyai daya saing yang tinggi di negeri Sabah khususnya di daerah Semporna. Kini, daerah Semporna merupakan antara pengeluar utama rumpai laut di negeri Sabah. Kajian semula Rancangan Malaysia Ke-Lapan (RMK-8) telah mengenalpasti bahawa pelaksanaan projek perintis yang berasaskan ladang rumpai laut seluas 200 hektar di daerah Semporna Sabah sebagai salah satu sumber pertumbuhan untuk meningkatkan nilai tambah sektor pertanian kepada perekonomian negara selain menjana pendapatan baru kepada penduduknya.

Usaha kerajaan untuk membangunkan industri pengkulturan rumpai laut yang bertujuan untuk memberikan sumber pendapatan alternatif sampingan dan tetap kepada penduduk tempatan telah mendapat sambutan dan minat daripada pelbagai

golongan dan lapisan masyarakat. Minat untuk menceburkan diri dalam bidang pengkulturan rumpai laut tidak hanya terhad kepada para nelayan sahaja, malah ia turut mendapat sambutan daripada golongan belia. Pelbagai usaha dilakukan pihak kerajaan dalam usaha menarik minat golongan belia untuk berkecimpung dalam industri pengkulturan rumpai laut.

Pelbagai kursus pengkulturan rumpai laut telah disediakan oleh pihak kerajaan dan penyediaan kursus tersebut telah menarik minat golongan belia untuk berkecimpung dalam industri pengkulturan rumpai laut dalam usaha memperolehi sumber pendapatan sama ada secara sampingan mahupun secara tetap. Berdasarkan kepada situasi ini, ia memperlihatkan satu pembangunan sosio-ekonomi telah berlaku kesan daripada perkembangan industri pengkulturan rumpai laut ini.

Membasmi kadar kemiskinan dalam usaha mengurangkan segala kekangan, logistik dan sosiobudaya selain memberikan satu pendapatan alternatif kepada sesebuah penduduk merupakan salah satu matlamat utama pihak kerajaan dalam pelaksanaan projek pengkulturan rumpai laut khususnya di daerah Semporna. Berdasarkan kepada matlamat ini, wujud satu keperluan untuk membuat penilaian kepada projek pengkulturan rumpai laut dengan pembangunan sosio-ekonomi di Kampung Kabimbangan dan Kampung Look Butun untuk melihat sejauhmana projek pengkulturan rumpai laut yang dilakukan di kawasan tersebut meningkatkan sosio-ekonomi penduduknya.

1.2 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan kepada tajuk penyelidikan iaitu "Projek Pengkulturan Rumpai Laut Dengan Pembangunan Sosio-Ekonomi", kajian ini lebih berfokus kepada penilaian terhadap pembangunan sosio-ekonomi di dua (2) kawasan kampung yang terlibat dengan projek pengkulturan rumpai laut sama ada projek tersebut berjaya atau pun tidak.

Sasaran Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Pusat dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar Negeri, rumpai laut antara yang berpotensi untuk membasmi kemiskinan lebih 10,000 penduduk pesisir pantai di Sabah. Disebabkan Semporna antara pusat pengkulturan rumpai laut Sabah yang mempunyai lebih daripada 37 buah kawasan pengkulturan rumpai laut, hal ini menyebabkan ia dilihat sebagai satu alternatif untuk memberikan satu bentuk pendapatan kepada penduduk sama ada berbentuk tetap mahupun sampingan. Persoalan kajian ini adalah seperti yang berikut ;

1. Sejauhmanakah aktiviti dan projek pengkulturan rumpai laut berjaya dalam usaha meningkatkan sosio-ekonomi sesebuah penduduk,
2. Sekiranya aktiviti dan projek tersebut tidak berjaya meningkatkan sosio-ekonomi penduduk, mengapa? Dan sejauhmanakah ianya tidak berjaya?
3. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan sesebuah projek tersebut berjaya dalam pembangunan sosio-ekonomi penduduknya? dan sekiranya tidak berjaya apakah sebab ianya tidak berjaya?
4. Apakah cadangan yang sesuai untuk penambahbaikan industri pengkulturan rumpai laut dalam usaha meningkatkan penglibatan penduduk untuk mengkultur?

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Matlamat kajian ini ialah seperti yang berikut ;

1. Mengenalpasti latar belakang projek pengkulturan rumpai laut kawasan kajian
2. Menilai pembangunan sosio-ekonomi kawasan kajian, dan
3. Mengenalpasti masalah dan mencadangkan langkah penambahbaikan industri pengkulturan rumpai laut.

1.4 HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis kajian ini adalah seperti yang berikut ;

1. Projek pengkulturan rumpai laut yang diceburi mampu meningkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk di kawasan kajian, dan
2. Terdapat pembangunan sosio-ekonomi kesan daripada projek pengkulturan rumpai laut di kawasan kajian.

1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini dilakukan di daerah Semporna dan terdapat lebih 37 buah kawasan (kampung) yang terlibat dengan projek pengkulturan rumpai laut. Sungguhpun begitu, kajian ini dijalankan di dua (2) buah kawasan projek pengkulturan rumpai laut sahaja iaitu di Kampung Kabimbangan dan Kampung Look Butun.

Aspek pembangunan sosio-ekonomi mempunyai pengertian yang luas dan elemen yang pelbagai. Ia merangkumi pelbagai aspek pembangunan seperti mutu pelajaran, kesihatan, pendapatan, tempat tinggal dan peluang, suasana bekerja, kewujudan ketenteraan, kesejahteraan hidup selain pelbagai lagi termasuk aspek kerohanian dan kejiwaan (Y.B Richard Ho, 1975). Oleh sebab itu, aspek pembangunan sosio-ekonomi yang dikaji adalah lebih kepada pendapatan, taraf keselesaan hidup pengkulturan dan pembangunan yang dilakukan pihak tertentu di kawasan kajian.

Selain itu, rumpai laut mempunyai jenis dan spesis yang pelbagai sama ada bersifat komersil dan tidak bersifat komersil. Oleh sebab itu, kajian ini juga berfokus kepada jenis rumpai laut yang mempunyai nilai komersil. Dua jenis rumpai laut yang popular dan bernilai komersil dunia adalah rumpai laut jenis *Eucheuma Cottonii* dan *Eucheuma Spinosium*. Di negeri Sabah khususnya di daerah Semporna, jenis rumpai laut yang popular dikultur adalah jenis *Eucheuma Cottonii* iaitu jenis rumpai laut yang mempunyai nilai komersil yang sangat tinggi sama ada kepada pembangunan pelbagai

jenis produk mahupun memberikan satu bentuk pendapatan kepada penduduk tempatan.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dilihat kepada beberapa aspek penting iaitu kepentingan dari segi aspek akademik, kepentingan kepada pihak bertanggungjawab dalam aspek pembangunan industri rumpai laut dan kepentingan kepada masyarakat setempat.

Kepentingan dari segi bidang akademik, ia lebih kepada sumbangan dalam perkembangan aspek penyelidikan melalui bidang rumpai laut dan pembangunan sosio-ekonomi. Perkembangan ilmu dan pengetahuan dalam kedua-dua bidang penyelidikan ini dapat dikembangkan dan menjadi satu corak yang pelbagai dalam aspek penyelidikan. Oleh sebab itu, wujud perkembangan ilmu pengetahuan dalam bidang akademik berdasarkan kepada penyelidikan ini.

Kajian ini memberi fokus kepada pembangunan sosio-ekonomi dan mengenalpasti masalah selain mencadangkan langkah penambahbaikan industri pengkulturan rumpai laut. Oleh sebab itu, kajian ini dapat diaplikasikan oleh pihak yang bertanggungjawab dalam industri pengkulturan rumpai laut seperti Jabatan Perikanan dan sebagainya. Penemuan kajian ini boleh diaplikasikan oleh pihak yang bertanggungjawab dalam usaha menambahbaik pembangunan industri rumpai laut dan pembangunan sosio-ekonomi.

Kepentingan kepada masyarakat pula dilihat dari segi bagaimana hasil penemuan kajian ini dapat membantu penduduk setempat yang terlibat dengan industri pengkulturan rumpai laut. Hal ini kerana, penyelidikan ini cuba mengenalpasti masalah yang dihadapi pengkulturan dan mencadangkan langkah penambahbaikan untuk meningkatkan taraf hidup (sosio-ekonomi) mereka. Sumbangan dari segi ilmu pengetahuan dapat disalurkan kepada masyarakat dalam usaha memahami bidang penyelidikan ini berdasarkan kepada hasil penemuan kajian.

1.7 BATASAN KAJIAN

Terdapat empat bentuk batasan kajian yang dihadapi sepanjang proses kajian ini dilakukan iaitu batasan dari segi jarak kawasan kajian, kos, cuaca dan kerjasama daripada responden.

1.7.1 Jarak Kawasan Kajian

Untuk sampai ke daerah Semporna, terdapat dua (2) cara mudah boleh digunakan iaitu dengan menggunakan jalan darat atau pun jalan udara. Namun begitu, penggunaan jalan udara memerlukan kos yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan menggunakan jalan darat. Untuk sampai ke kawasan lapangan iaitu daerah Semporna daripada Kota Kinabalu, jalan darat dipilih untuk mengurangkan jumlah kos perbelanjaan yang digunakan. Sejauh 520KM jarak antara Kota Kinabalu dengan daerah Semporna menggunakan jalan darat.

Selain itu, batasan kajian untuk sampai ke kawasan yang menjadi fokus kepada kawasan kajian (Kampung Kabimbangan dan Kampung Look Butun, Semporna) adalah dari segi ketersampaian ke kawasan kajian tersebut. Hal ini kerana, untuk sampai ke kedua-dua kampung tersebut, jalan laut adalah satu-satunya cara untuk sampai. Perjalanan untuk sampai ke kampung tersebut daripada bandar Semporna mengambil masa lebih kurang 10 hingga 15 minit dan berhenti di Pulau Bum-Bum. Setelah itu, dari Pulau Bum-Bum, perjalanan diteruskan dengan menggunakan jalan darat untuk sampai ke Kampung Kabimbangan dan Look Butun. Perjalanan untuk sampai ke kedua-dua kawasan kajian tersebut lebih kurang 5KM iaitu dengan mengambil masa perjalanan selama 30 minit dengan keadaan jalan raya yang tidak rata.

Lebih kurang 37 buah kampung (pulau) yang terlibat dengan projek pengkulturan rumpai laut di daerah Semporna. Untuk sampai ke kawasan kampung (pulau) yang menjadi pilihan seperti Pulau Selakan dan Pulau Denawan adalah sukar disebabkan faktor ketersampaian ke kawasan pilihan tersebut. Faktor jarak untuk

sampai ke kawasan kajian tersebut memerlukan masa dan jarak yang jauh daripada kawasan bandar Semporna. Pengangkutan bot khas seperti bot pelancongan dan sebagainya adalah kaedah pada kebiasaannya digunakan untuk sampai ke kawasan tersebut. Penyediaan pengangkutan awam untuk sampai ke sana adalah tidak ada. Oleh sebab itu, penyelidik memilih kawasan pengkulturan rumpai laut yang berhampiran dengan kawasan bandar untuk memendekkan jarak untuk proses ketersampaian kepada kawasan kajian ini.

1.7.2 Kos Perbelanjaan

Kos perbelanjaan untuk menyiapkan kajian ini juga menjadi salah satu batasan dalam usaha menyiapkan kajian ini. Hal ini kerana, proses ketersampaian ke kawasan kajian adalah bergantung kepada kos perbelanjaan. Sebagai contoh, pemilihan kawasan kajian yang menjadi pilihan seperti Pulau Selakan dan Pulau Denawan. Kedua-dua kawasan pulau tersebut adalah jauh dan memerlukan kos yang lebih tinggi berbanding dengan Kampung Kabimbangan dan Kampung Look Butun.

Pengangkutan awam (bot tambang) adalah tidak disediakan untuk sampai ke kawasan kampung (pulau) yang terlibat dengan projek pengkulturan rumpai laut yang menjadi pilihan tersebut. Bot khas (sewa khas) seperti bot pelancongan dan sebagainya adalah kaedah yang sering digunakan untuk sampai ke kawasan tersebut. Namun begitu, ianya memerlukan kos sewa yang sangat tinggi. Hal ini membataskan kajian ini disebabkan kos perbelanjaan yang tinggi.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahim Bin Haji Ramli. 2007. *Kesan Pembangunan Perindustrian Di Kawasan Pasir Gudang Johor Terhadap Sosio-ekonomi Penduduk Perkampungan Tradisional Di Sekitar* : Universiti Teknologi Malaysia.
- Bambang Wirjamatmadi et all. 2002. *Pemanfaatan Rumput Laut (Eucheuma Cottonii) dalam Meningkatkan Nilai Kandungan Serat dan Yodium Tepung Terigu dalam Pembuatan Mi Basah* : Jurnal Penelitian Eksakta Vol.3.
- Carunia Firdausy dan Clem Tisdell. 1991. *Economic Returns Form Seaweed (Eucheuma Cottonii) farming in Bali, Indonesia*. Department of Economics The University of Queensland, Australia.
- Chalar a/l Endin Prom. 2000. *Kajian Sosioekonomi Penduduk Keturunan Siam Di Kampung Tanjung, Mukim Pedu, Padang Terap, Kedah*. Universiti Utara Malaysia.
- Endang Pratiwi dan Wardana Ismail. 2004. *Perkembangan Budidaya Rumput Laut Di Pulau Pari* : Pusat Riset Perikanan Budidaya.
- Funahasi et all, 2001. *Seaweed Prevents Breast Cancer*: Jpn. J. Cancer Research
- H. Hadari Nawawi. 1993. *Metode Penelitian Bidang Sosial*. Bullaksumur, Jakarta : Gadjah Mada University Press.
- Katiman Rostam. 1998. *Penghantar Geografi Bandar*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kod Amalan Akuakultur Pengkulturan Rumpai Laut (Kaedah Praktikal Pengkulturan Rumpai Laut). 2006 : Jabatan Perikanan Negeri Sabah
- Lee Yoon Hing. 2004. *The Influence Of Product And Consumer Characteristics On The Acceptance Of New Seaweed Food Products* : Universiti Malaysia Sabah.
- Made Astawan et all. 2005. *Uji Biologis Iodium Dari Rumput Laut (Eucheuma Cottonii L.) dan Pengaruhnya Terhadap Kemampuan Belajar Tikus Percobaan* : Institusi Pertanian Bogor, Indonesia.

- Nicholas A. Paul dan Rocky de Nys. 2008. *Promise and Pitfalls of Locally Abundant Seaweed as Biofilters For Integrated Aquaculture* : School of Marine and Tropical Biology, James Cook University, Australia.
- Prof. Keto E. Mshigeni. 1994. *The Eucheuma Seaweed Story In The Western Indian Ocean Region : Past, Present and future* : University Of Dar es Salaam, Tanzania Comission For Science And Technology
- Rohana Yusof. 2004. *Penyelidikan Sains Sosial*. Siri Pendidikan Edisi Kemas Kini : PTS Publications & Distribtors Sdn Bhd.
- R. Arief Budikusuma. 2008. *Proses Pengepakan dan Transportasi Bibit Rumput Laut Eucheuma Cottonii Di Lombok Tengah, Nusa Tenggara Barat*.
- Sunarto. 2003. *Potensi Nutrisi Rumput Laut (Eucheuma Cottonii) Sebagai Sumber Bahan Pakan* : Institusi Pertanian Bogor, Indonesia.
- Suriani Suratman dan Rossazman Hussin. 2001. *Panduan Latihan Ilmiah, Edisi Kedua*. Universiti Malaysia Sabah : Percetakkan CCS Sdn. Bhd.
- Teguh Prasetyo. 2005. *The Socio Economic of Seaweeds Cultivation (Eucheuma Cottonii)* : Marine Science and Technology Department Bogor Agricultural University.
- Wan Armahtahwin Bin Abdul Rahman. 2007. *Kesan Peningkatan Taraf Jeti Tukar Barang Terhadap Sosio-ekonomi Penduduk Batu Pahat*. : Universiti Teknologi Malaysia.
- Waryat. 2004. *Ekstraksi Dan Karakterisasi Karagenan Eucheuma Cottonii Dari Kepulauan Seribu Sebagai Bahan Pembuat Edible Film* : Universiti Gajah Mada, Jogjakarta.